

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
(TAMBUN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.10.2016**

**Y.B. DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [ TAMBUN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ada atau tidak tender di lulus oleh Menteri Kewangan tanpa melalui Jawatankuasa Tender. Berapakah bilangannya dan nilai setahun bagi tahun 2014, 2015 dan 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tender yang nilainya melebihi had kuasa melulus atau menyetuju terima di peringkat Lembaga Perolehan Agensi atau kelulusan Kementerian Kewangan untuk

melaksanakan tender terhad, perlu dimuktamadkan di Kementerian Kewangan. Tender ini dibentang dan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (JPMK) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Kewangan dan ahli-ahlinya termasuklah YB Menteri Kewangan II, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sektor Pengurusan).

Walau bagaimanapun, terdapat tender yang diluluskan terus oleh YAB/YB Menteri Kewangan selaras dengan kuasa Menteri Kewangan mengikut Seksyen 6(i) Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972) berasaskan faktor seperti berikut:

1. Faktor kesegeraan, memandangkan ada projek untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat lewat dilaksanakan; dan
2. kelewat agensi pelaksana untuk melaksanakan projek mengikut perancangan walaupun kelulusan telah diberi lebih awal.

Tender tersebut telah melalui proses analisis terperinci dan *due diligence* yang sewajarnya.

Nama syarikat dan nilai kontrak yang diperolehi melalui perolehan Kerajaan boleh diakses melalui portal MyPROCUREMENT di <http://myprocurement.treasury.gov.my>.